

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH
MOHD JANOR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
RADIO BERVISUAL**

9 MAC 2023 | KHAMIS | 2 PETANG

Bismillahirrahmanirrahim,

Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Haryani Haron

Penolong Naib Canselor

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (K.P.P.I.M)

Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Mohamad Noorman Masrek

Dekan Penyelidikan dan Inovasi K.P.P.I.M

Yang Berusaha Dr. Muhamad Khairulnizam Zaini

Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni K.P.P.I.M

Yang Berusaha Encik Mohd Nazrul Mohd Amin

Dekan Hal Ehwal Pelajar K.P.P.I.M

Yang Berusaha Dr. Shazleen Mohamad

Pemangku

Dekan Akademik dan Antarabangsa K.P.P.I.M

Yang Berusaha Encik Mohammad Azuwadi Mohd Yasin

Timbalan Pendaftar K.P.P.I.M

**Ketua-Ketua Pusat Pengajian, Ketua-ketua Unit,
Koordinator-koordinator**

Warga KPPIM dan Tuan Puan Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan;

Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, segala pujian kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama di dalam siaran Radio UFM, UiTM Shah Alam.

Terima kasih diucapkan kepada semua yang bersama-sama menyerikan siaran pada hari ini.

2. Kehadiran saya pada sesi kali ini adalah untuk meraikan Langkah kedewasaan radio milik Universiti Teknologi MARA sempena Pelancaran Radio Bervisual UFM.

3. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Radio Bervisual UFM serta pelaksanaan majlis yang julung kalinya dianjurkan di Radio UFM ini.

4. Radio UFM merupakan stesen radio universiti pertama di Malaysia yang telah mula beroperasi semenjak tahun 1997 di bawah kendalian Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM). Kita perlu akui bahawa Radio UFM merupakan salah satu penyumbang kepada kejayaan yang dicapai oleh UiTM.

5. Lebih dua dekad beroperasi, Radio UFM telah berperanan sebagai medan penyaluran maklumat kepada seluruh warga UiTM dan komuniti setempat.

Pelbagai sinergi yang membanggakan telah berjaya dilaksanakan oleh pihak Radio UFM, antaranya adalah:

- salah satu radio rasmi Anugerah Industri Muzik Malaysia.
- penyiar rasmi Pesta Buku Antarabangsa Selangor sejak tahun 2017, dan
- jalinan kerjasama bersama pihak NGO, kementerian dan korporat seperti *Islamic Relief*, *Syria Care*, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Media Prima dan Nestle.

6. Radio UFM juga telah melahirkan bakat-bakat dalam bidang penyiaran dan kewartawanan seperti:

- Faizal bin Ismail, atau FBI,
- Roslina Manaf, atau DJ Lin,
- Massila Hassan dan Khairul Rizuan Azizan, pembaca berita Buletin Utama, dan
- Mazlina Ismail, Pengurus Siaran Radio IKIM FM

7. Diharapkan Radio UFM terus memainkan peranan dalam melahirkan lebih ramai lagi bakat-bakat yang boleh diketengahkan kepada pihak industri dan seterusnya, meningkatkan kebolehpasaran graduan UiTM.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Radio UFM mempunyai kawasan liputan luas di Lembah Klang melalui frekuensi 93.6 FM. Dengan kewujudan teknologi yang canggih, kini Radio UFM dapat didengari bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia secara dalam talian. Kini, Radio UFM bakal mengorak satu lagi langkah ke hadapan iaitu Radio Bervisual.

9. Melalui inisiatif Radio Bervisual, pendengar radio akan memperoleh pengalaman pengguna atau *User Experience* yang baharu. Pendengar bukan sahaja

dapat mendengar siaran radio malah dapat menonton segala yang berlaku di radio melalui media sosial.

10. Keadaan ini membolehkan Radio UFM kekal relevan dan mampu menggarap hubungan yang lebih rapat dengan generasi masa kini.

11. Semoga pihak Radio UFM, UiTM dapat mengadaptasi transformasi ini dengan menggembelng segala sumber yang ada untuk merealisasikan konsep radio bervisual, di samping terus mengekalkan etika penyampaian dengan menyampaikan laporan berita yang tepat dan sahih sebelum disiarkan.

12. Saya dan seluruh warga UiTM akan terus memberikan sokongan agar Radio UFM menjadi wadah penyebaran maklumat utama universiti ini.

13. Saya juga berharap kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dapat dipertingkatkan dan seterusnya mencapai sasaran dan halatuju UiTM pada tahun ini.

14. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua yang bersama-sama menjayakan majlis ini.

15. Dengan lafaz '*Bismillahirrahmanirahim*', saya merasmikan **'Pelancaran Radio Bervisual UFM, UiTM'**.

Sekian.

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalaamualaikum,
Warahmatullahi Wabarakatuh.**